

## PERATURAN PERTANDINGAN HOKI

### 1. AM

Pertandingan ini dinamakan Pertandingan Hoki

### 2. PENGANJUR / PENGELOLA

Pertandingan ini dianjurkan dan dikelolakan oleh \_\_\_\_\_

### 3. SYARAT-SYARAT PENYERTAAN

- 3.1 Setiap pasukan dibenarkan mendaftar tidak lebih dari lapan belas (18) orang pemain yang terdiri dari pegawai/anggota/kakitangan Jabatan Penjara Malaysia. Pendaftaran hendaklah menggunakan **Borang** yang telah disediakan.
- 3.2 Pemain hendaklah didaftarkan mengikut nombor baju yang dipakainya di sepanjang pertandingan ini.
- 3.3 Pemain yang tidak didaftarkan tidak dibenarkan mengambil bahagian. Sekiranya berlaku sedemikian, penyertaan pasukan tersebut dalam pertandingan ini akan dibatalkan secara automatik. Semua perlawanan sebelumnya yang disertai oleh pasukan tersebut dianggap tidak sah. Jika menang, kemenangan percuma akan diberikan kepada pasukan lawan.

### 4. TEMPAT, MASA DAN JADUAL PERTANDINGAN

- 4.1 Semua perlawanan akan dijalankan di lokasi yang akan ditentukan kemudian.
- 4.2 Perlawanan akan bermula pada \_\_\_\_\_ dan akan berakhir pada \_\_\_\_\_. Setiap perlawanan hendaklah mengikut jadual yang telah disediakan oleh Jawatankuasa Penganjur.
- 4.3 Masa bagi semua perlawanan adalah 20 + 5 + 20.
- 4.4 Pasukan yang akan bermain hendaklah berada di padang sepuluh (10) minit sebelum perlawanan dimulakan. Kemenangan percuma akan diberikan kepada mana-mana pasukan jika pasukan lawan gagal berada di padang selepas lima (5) minit dari masa sesuatu perlawanan sepatutnya dimulakan.

### 5. FORMAT PERTANDINGAN

- 5.1 Perlawanan akan dijalankan secara sebelas (11) sebelah.
- 5.2 Sekiranya lima (5) atau kurang pasukan mengambil bahagian, perlawanan pusingan awal akan dijalankan secara liga satu kumpulan. Pada pusingan seterusnya, pasukan di kedudukan pertama dan kedua akan bertemu untuk menentukan johan dan naib johan manakala pasukan di kedudukan ke tiga dan keempat akan bertemu untuk menentukan kedudukan tempat ketiga.
- 5.3 Sekiranya enam (6) atau lebih pasukan mengambil bahagian, pasukan-pasukan yang bertanding akan dibahagi kepada 2 kumpulan. Kedudukan pasukan dalam sesuatu kumpulan akan ditentukan dengan cara undian.
- 5.4 Perlawanan pusingan awal dalam sesuatu kumpulan, akan dijalankan secara liga. Johan dan Naib Johan Kumpulan A akan bertemu secara menyilang dengan Naib Johan dan Johan Kumpulan B dalam perlawanan separuh akhir bagi menentukan pasukan mana layak ke peringkat akhir. Perlawanan separuh akhir akan dijalankan secara kalah mati.
- 5.5 Pemberian mata ialah tiga (3) jika menang, satu (1) mata jika seri dan kosong (0) mata jika kalah.
- 5.6 Jika terdapat dua (2) atau lebih pasukan mempunyai jumlah mata teratas yang sama, kaedah berikut hendaklah dipatuhi bagi menentukan pasukan yang layak ke perlawanan akhir.
  - 5.6.1 Pasukan yang mempunyai jumlah perbezaan bilangan gol yang banyak.
  - 5.6.2 Jika masih seri pasukan yang mempunyai jumlah jaringan gol terbanyak
  - 5.6.3 Jika masih seri juga, pasukan yang menang dalam perlawanan sebelumnya.
  - 5.6.4 Jika masih seri juga, pukulan penalti sebanyak tiga (3) kali akan diberikan. Pasukan yang banyak menyempurnakan pukulan penalti akan diumumkan sebagai pemenang. Dan,
  - 5.6.5 Jika masih seri sistem "Sudden Death" akan digunakan bagi pukulan penalti bagi menentukan pemenang.

- 5.6.6 Di peringkat separuh akhir dan akhir, sekiranya dua pasukan yang bermain masih dalam kedudukan seri setelah masa sebenar tamat, perlawanan akan diteruskan dengan masa tambahan 15 minit dengan 7 minit bagi setiap separuh masa dan 1 minit untuk pertukaran padang. Jika masih seri juga, pukulan penalti sebanyak tiga (3) kali akan diberikan. Pasukan yang banyak menyempurnakan pukulan penalti akan diumumkan sebagai pemenang. Dan,
- 5.6.7 Jika masih seri sistem "Sudden Death" akan digunakan bagi pukulan penalti bagi menentukan pemenang.

## **6. PERTUKARAN PEMAIN.**

- 6.1 Tiada had dikenakan untuk pertukaran pemain pada sesuatu perlawanan. Pemain yang diganti dibenarkan mengambil bahagian semula dalam perlawanan.
- 6.2 Pemain yang digantung permainan tidak boleh digunakan sebagai pemain gantian.

## **7. KEMENANGAN PERCUMA**

- 7.1 Kemenangan percuma akan diberikan kepada mana-mana pasukan, jika pasukan lawannya didapati melakukan kesalahan seperti berikut :
  - 7.1.1 Menyenaikan pemain yang tidak didaftarkan dalam mana-mana perlawanan seperti dinyatakan dalam perkara 3.3
  - 7.1.2 Gagal berada di padang selepas lima (5) minit dari masa perlawanan sepatutnya dimulakan seperti dinyatakan dalam perkara 4.4.
  - 7.1.3 Gagal menyediakan sekurang-kurangnya sembilan (9) orang pemain dalam sesuatu perlawanan.
  - 7.1.4 Tidak mahu meneruskan perlawanan.
- 7.2 Pasukan yang diberi kemenangan percuma akan mendapat tiga (3) mata dan kiraan jaringan 2-0.
- 7.3 Pasukan yang bertanding tidak dibenarkan memberi kemenangan percuma kepada pasukan lawan. Jika berlaku juga keadaan sedemikian, pasukan tersebut secara automatik terkeluar dari kejohanan ini dan perlawanan sebelumnya dibatalkan.

## **8. PERATURAN AM**

- 8.1 Jika seseorang pemain telah menerima tiga (3) amaran (kad hijau) dalam perlawanan sebelumnya pemain tersebut secara automatik tidak dibenarkan bermain satu (1) perlawanan berikutnya.
- 8.2 Jika seseorang pemain menerima dua (2) 'temporary suspensions' (kad kuning) dalam perlawanan sebelumnya pemain tersebut secara automatik tidak dibenarkan bermain satu (1) perlawanan berikutnya.
- 8.3 Jika seseorang pemain menerima dua (2) amaran (kad hijau) dan satu (1) 'temporary suspensions' (kad kuning) dalam perlawanan sebelumnya pemain tersebut secara automatik tidak dibenarkan bermain satu (1) perlawanan berikutnya.
- 8.4 Jika seseorang pemain ditunjukkan kad merah dalam suatu perlawanan, pemain tersebut secara automatik tidak dibenarkan bermain dua (2) perlawanan berikutnya.
- 8.5 Pasukan yang bertanding wajib menyediakan dua (2) set jersi yang mempunyai warna yang berlainan dan bernombor iaitu untuk jersi utama dan simpanan. Sekiranya dua (2) pasukan yang akan bertanding didapati memakai jersi yang sama warnanya, pasukan yang disebut terdahulu dalam jadual pertandingan hendaklah menukar jersi yang dipakai dengan warna lain.
- 8.6 Pihak penganjur tidak bertanggungjawab sekiranya berlaku kejadian yang tidak diingini terhadap mana-mana pihak sebelum, semasa dan selepas pertandingan ini dijalankan.
- 8.7 Jika tidak disebut dalam syarat-syarat pertandingan ini maka syarat-syarat yang ditetapkan oleh Persatuan Hoki Malaysia (MHF) hendaklah digunapakai.
- 8.8 Sekiranya Pengurus Pasukan terlibat dalam insiden pergaduhan, pasukannya akan didenda dengan dikeluarkan daripada pertandingan.

**9. PENGADILAN**

Pengadil yang mengadili perlawanan adalah pengadil yang bertauliah dari Persatuan Hoki Kuala Lumpur. Keputusan pengadil adalah muktamad.

**7 PERKARA-PERKARA YANG TIDAK DIPERUNTUKKAN**

10.1 Mana-mana perkara yang tidak diperuntukkan dalam peraturan ini adalah dalam bidang kuasa Jawatankuasa Pertandingan dan akan dirujuk kepada Jawatankuasa Pengelola.

10.2 Jawatankuasa Pertandingan/Pengelola berhak membuat sebarang pindaan pada peraturan pertandingan ini bila-bila masa diperlukan.

**11. BANTAHAN**

Segala bantahan boleh dibuat dengan merujuk kepada **Jawatankuasa Bantahan dan Rayuan** yang dilantik oleh pihak penganjur kejohanan ini.